



RANGKA KERJA SIASATAN CUKAI

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

TARIKH KUAT KUASA: 31 MEI 2024



KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	1
2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	1 – 3
3. AKTIVITI SIASATAN	3 – 4
4. OBJEKTIF SIASATAN	4
5. TEMPOH MASA SIASATAN	4
6. PEMILIHAN KES	4 – 5
7. PROSEDUR SIASATAN	5
7.1 Permohonan Dokumen dan Maklumat	5
7.2 Lawatan Pemeriksaan	5 – 6
7.3 Semakan Dokumen	6
7.4 Pengambilan Pernyataan	6 – 7
7.5 Penyelesaian Kes Siasatan	7
8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB	7
8.1 LHDNM	7 – 8
8.2 Pembayar Cukai	8 – 10
8.3 Ejen Cukai	10 – 11
9. KERAHSIAAN MAKLUMAT	11
10. KESALAHAN, HUKUMAN DAN PENALTI	11
10.1 Kegagalan Mengemukakan BNCP	11 – 12
10.2 Pengemukakan BNCP Yang Tidak Betul	12
10.3 Pelarian Cukai Sengaja Dengan Niat	13
11. PROSEDUR BAYARAN	13
12. RAYUAN	13
12.1 Rayuan Atas Taksiran	13 – 14
12.2 Rayuan Atas Sabitan	14

- | | |
|--|---------|
| 13. SIASATAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AMLATFPUAA) | 14 - 16 |
| 14. TARIKH KUAT KUASA | 16 |

1. PENGENALAN

- 1.1 Pentadbiran sistem percukaian yang adil, telus dan saksama akan dapat mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian tersebut. Pematuhan terhadap undang-undang percukaian hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas. Kesalahan percukaian seperti ketidakpatuhan dan pelarian cukai akan dikenakan tindakan mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) dan akta-akta lain yang ditadbir oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) seperti Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.
- 1.2 Salah satu kaedah penguatkuasaan yang dijalankan oleh LHDNM adalah aktiviti siasatan cukai. Pembayar cukai yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan penalti, hukuman denda dan/ atau penjara.
- 1.3 Tujuan rangka kerja siasatan ini adalah untuk memaklumkan kepada pembayar cukai mengenai tatacara tindakan siasatan cukai oleh LHDNM. Secara umumnya, rangka kerja ini:
 - 1.3.1 Menggariskan hak serta tanggungjawab pegawai LHDNM, pembayar cukai dan ejen cukai;
 - 1.3.2 Membantu pembayar cukai memenuhi tanggungjawab mereka; dan
 - 1.3.3 Memaklumkan kepada pembayar cukai mengenai peruntukan undang-undang berkaitan siasatan cukai.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 2.1 Antara peruntukan undang-undang di bawah ACP yang digunakan dalam siasatan cukai adalah:
 - 2.1.1 Subseksyen 39(1A) : Potongan tidak dibenarkan jika maklumat yang diminta oleh Ketua Pengarah melalui notis di bawah seksyen 81 ACP tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan
 - 2.1.2 Seksyen 68 : Kuasa untuk melantik ejen
 - 2.1.3 Seksyen 75A : Liabiliti Pengarah
 - 2.1.4 Seksyen 78 : Kuasa untuk meminta BNCP khusus dan pengemukaan buku-buku

-
- 2.1.5 Seksyen 79 : Kuasa untuk meminta penyata akaun bank dan sebagainya
 - 2.1.6 Seksyen 80 : Kuasa untuk mengakses bangunan-bangunan, dokumen-dokumen dan sebagainya
 - 2.1.7 Seksyen 81 : Kuasa untuk meminta maklumat
 - 2.1.8 Seksyen 82 : Kewajipan untuk menyimpan rekod-rekod dan mengemukakan resit-resit
 - 2.1.9 Seksyen 90 : Taksiran-taksiran secara am
 - 2.1.10 Seksyen 91 : Taksiran dan taksiran tambahan dalam kes-kes tertentu
 - 2.1.11 Seksyen 96A : Taksiran komposit
 - 2.1.12 Subseksyen 97A(2) & Seksyen 99 : Hak untuk merayu
 - 2.1.13 Seksyen 100 : Pelanjutan masa untuk merayu
 - 2.1.14 Seksyen 101 : Kajian semula oleh Ketua Pengarah
 - 2.1.15 Seksyen 102 : Penyelesaian rayuan-rayuan
 - 2.1.16 Seksyen 103 : Pembayaran cukai
 - 2.1.17 Seksyen 104 : Mendapatkan kembali bayaran daripada orang-orang yang meninggalkan Malaysia
 - 2.1.18 Seksyen 106 : Mendapatkan kembali bayaran melalui tindakan guaman sivil
 - 2.1.19 Seksyen 112 : Kegagalan untuk mengemukakan BNCP atau memberi notis pengenaan
 - 2.1.20 Seksyen 113 : BNCP yang tidak betul
 - 2.1.21 Seksyen 114 : Pelarian cukai dengan sengaja/ dengan niat
 - 2.1.22 Seksyen 116 : Menghalang pegawai menjalankan tugas
 - 2.1.23 Seksyen 118 : Kesalahan-kesalahan oleh pegawai
 - 2.1.24 Seksyen 120 : Kesalahan-kesalahan lain

- 2.1.25 Seksyen 121 : Peruntukan tambahan mengenai kesalahan di bawah seksyen 113, 115, 116, 118 dan 120
 - 2.1.26 Seksyen 124 : Kuasa mengkompaun kesalahan-kesalahan dan mengurang atau meremit surcaj atau penalti-penalti
 - 2.1.27 Seksyen 138 : Perkara-perkara tertentu dianggap sebagai sulit
 - 2.1.28 Seksyen 140 : Kuasa untuk tidak mengambilkira transaksi-transaksi tertentu
 - 2.1.29 Seksyen 141 : Kuasa-kuasa mengenai transaksi-transaksi tertentu oleh bukan pemastautin
 - 2.1.30 Seksyen 142 : Peruntukan-peruntukan keterangan
- 2.2 Peruntukan undang-undang berkaitan siasatan cukai tidak hanya terhad kepada peruntukan seperti di perenggan 2.1. Ia juga meliputi peruntukan-peruntukan lain dalam ACP dan peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

3. AKTIVITI SIASATAN

- 3.1 Siasatan adalah kerja-kerja pemeriksaan buku, dokumen, objek, artikel, bahan dan benda-benda (selepas ini dirujuk sebagai 'dokumen') perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai termasuk dokumen peribadi. Pemeriksaan ini dilakukan untuk memastikan pendapatan sebenar telah dilaporkan dan cukai dikira serta dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.
- 3.2 LHDNM boleh mendapatkan keterangan/ dokumen daripada sesiapa sahaja yang berkaitan bagi membantu siasatan yang dijalankan.
- 3.3 Pembayar cukai boleh didakwa di mahkamah di atas kesalahan pelarian cukai.
- 3.4 Pegawai LHDNM juga boleh menjalankan siasatan mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) bagi mengesan hasil pelarian cukai memandangkan kesalahan di bawah seksyen 112, 113 dan 114 ACP merupakan kesalahan berat di bawah Jadual Kedua AMLATFPUAA. Tindakan boleh diambil untuk

membeku, menyita dan melucuthak harta alih dan harta tidak alih yang diperoleh dengan menggunakan hasil pelarian cukai.

- 3.5 Pegawai LHDNM akan memberitahu pembayar cukai sama ada siasatan dijalankan di bawah ACP, AMLATFPUAA atau kedua-duanya. Sekiranya siasatan dijalankan di bawah ACP, ini tidak menghalang siasatan di bawah AMLATFPUAA dijalankan ke atas kes tersebut pada bila-bila masa.

4. OBJEKTIF SIASATAN

Objektif utama siasatan adalah untuk:

- 4.1 Mencegah pelarian cukai;
- 4.2 Mengenalpasti orang yang bertanggungjawab ke atas kesalahan pelarian cukai dan menghadapkannya ke mahkamah;
- 4.3 Meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela;
- 4.4 Memberi keadilan kepada pembayar cukai yang patuh; dan
- 4.5 Memungut jumlah cukai yang betul dan sepatutnya.

5. TEMPOH MASA SIASATAN

Tiada had tempoh masa siasatan bagi kes-kes penipuan, keingkaran sengaja dan kecuaihan. Taksiran boleh dibangkitkan pada bila-bila masa mengikut peruntukan subseksyen 91(3) ACP.

6. PEMILIHAN KES

- 6.1 Pemilihan kes siasatan boleh dilakukan menggunakan pelbagai kaedah. Antaranya adalah:
- 6.1.1 Analisis risiko;
 - 6.1.2 Maklumat pengadu;
 - 6.1.3 Semakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP);
 - 6.1.4 Maklumat risikan; dan
 - 6.1.5 Maklumat daripada agensi penguatkuasa undang-undang lain.

- 6.2 Di antara fokus pemilihan kes untuk siasatan adalah kes yang melibatkan kegagalan melaporkan pendapatan dengan sengaja dan penipuan tuntutan.

7. PROSEDUR SIASATAN

7.1 Permohonan Dokumen dan Maklumat

- 7.1.1 Siasatan boleh dilakukan dengan mengeluarkan surat permohonan dokumen dan maklumat kepada pembayar cukai, ejen cukai dan pihak ketiga untuk semakan.
- 7.1.2 Pembayar cukai boleh diminta hadir ke pejabat LHDNM untuk memberi maklumat dan penjelasan secara lisan atau bertulis.
- 7.1.3 Kuasa-kuasa memohon dokumen, maklumat dan kehadiran pembayar cukai ke pejabat LHDNM diperuntukkan di bawah seksyen 78, 79 atau 81 ACP.

7.2 Lawatan Pemeriksaan

Siasatan juga boleh dilakukan dengan mengadakan lawatan pemeriksaan tanpa notis ke premis perniagaan atau kediaman pembayar cukai, ejen cukai, pihak ketiga dan tempat-tempat lain yang perlu. Pemeriksaan akan dijalankan secara profesional dan beretika.

Semasa lawatan pemeriksaan, pegawai LHDNM akan:

- 7.2.1 Memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa yang memaparkan nama dan gambar pegawai LHDNM berkenaan;
- 7.2.2 Memberitahu tujuan lawatan kepada pembayar cukai di peringkat awal lawatan;
- 7.2.3 Membaca dan menjelaskan kepada pembayar cukai/ wakil/ penghuni premis bahawa di bawah seksyen 80 ACP pegawai LHDNM berkenaan pada setiap masa mempunyai kuasa-kuasa berikut:
- 7.2.3.1 Mempunyai akses sepenuhnya dan bebas kepada segala tanah, bangunan dan tempat, segala buku, dokumen, objek, artikel, bahan dan lain-lain perkara;
- 7.2.3.2 Boleh menggeledah tanah, bangunan dan tempat-tempat tersebut serta boleh memeriksa, membuat salinan atau cabutan daripada apa-apa buku, dokumen, objek, artikel, bahan dan perkara tersebut tanpa

membuat apa-apa bayaran dengan cara fi atau upah;
dan

7.2.3.3 Mengambil dokumen yang berkaitan.

7.2.4 Mengakses, memuat turun dan mengambil maklumat yang berkaitan daripada sebarang peralatan media elektronik;

7.2.5 Mengambil foto lokasi dokumen yang diambil pemilikan;

7.2.6 Memberitahu skop dan tempoh pemeriksaan serta dokumen yang perlu diambil untuk siasatan;

7.2.7 Memberitahu nama, nombor telefon pejabat dan e-mel rasmi pegawai LHDNM dan Pengarah LHDNM yang mengawasi siasatan;

7.2.8 Memberitahu hak dan tanggungjawab pembayar cukai semasa pemeriksaan dijalankan;

7.2.9 Menemuduga dan mengambil pernyataan daripada pembayar cukai serta orang-orang yang berkenaan di premis yang dilawati;
dan

7.2.10 Menyediakan akuan terima pengambilan pemilikan dan pengambilan dokumen yang ditandatangani oleh pegawai LHDNM dan pembayar cukai atau wakil pembayar cukai.

7.3 **Semakan Dokumen**

Semasa semakan dokumen, pegawai LHDNM akan:

7.3.1 Memeriksa dokumen perniagaan dan / atau dokumen peribadi pembayar cukai. Pemeriksaan ini dibuat untuk mendapatkan bukti-bukti pelarian cukai; dan

7.3.2 Meminta mana-mana pihak mengemukakan dokumen di bawah jagaan atau kawalan mereka.

7.4 **Pengambilan Pernyataan**

7.4.1 Pembayar cukai serta orang-orang yang berkenaan boleh dipanggil oleh pegawai LHDNM untuk diambil pernyataan. Pengambilan pernyataan ini boleh diambil di premis perniagaan atau kediaman pembayar cukai, ejen cukai, pihak ketiga dan pejabat LHDNM.

7.4.2 Sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai LHDNM akan hadir semasa pengambilan pernyataan daripada orang-orang yang berkaitan dengan kes yang disiasat.

7.4.3 Ejen cukai bertauliah boleh hadir semasa pengambilan pernyataan.

7.5 Penyelesaian Kes Siasatan

7.5.1 Setelah prosedur siasatan selesai, LHDNM akan mengeluarkan surat penemuan siasatan kepada pembayar cukai.

7.5.2 Sekiranya penemuan siasatan dipersetujui, perjanjian / surat aku janji akan ditandatangani. Kes siasatan dianggap selesai setelah kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) diperoleh dan taksiran dibangkitkan.

7.5.3 Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan penemuan siasatan, penyelesaian adalah seperti berikut:

7.5.3.1 Taksiran dibangkitkan berdasarkan kuasa KPHDN berserta penalti; atau

7.5.3.2 Kes digugurkan sekiranya terdapat fakta atau bukti yang menyokong hujahan pembayar cukai.

7.5.4 Kes yang diputuskan untuk tindakan pendakwaan bagi situasi di perenggan 7.5.3.1, kes akan dikemukakan ke Jabatan Undang-Undang.

7.5.5 Bagi kes yang dikompaun dan tidak diteruskan dengan pendakwaan, taksiran akan dibangkitkan berdasarkan pengiraan cukai yang telah dipersetujui.

7.5.6 Kegagalan pembayar cukai untuk menghadiri diri ke prosiding mahkamah setelah saman diserahkan boleh menyebabkan waran tangkap dikeluarkan terhadap pembayar cukai.

8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB

8.1 LHDNM

8.1.1 Pegawai dikehendaki sentiasa mematuhi peraturan dan kod etika LHDNM dalam menjalankan tugasnya seperti berikut:

8.1.1.1 Profesional, bersopan, bersikap amanah, jujur dan berintegriti;

- 8.1.1.2 Sentiasa bersedia menerangkan tujuan kerja siasatan dan hak serta tanggungjawab pembayar cukai;
- 8.1.1.3 Berpengetahuan dan melaksanakan undang-undang percukaian dengan adil dan saksama; dan
- 8.1.1.4 Menghormati hak dan tanggungjawab pembayar cukai dan ejen cukai.
- 8.1.2 Pegawai adalah dilarang:
 - 8.1.2.1 Mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan dalam perniagaan yang disiasat;
 - 8.1.2.2 Mengesyorkan dan mencadangkan agar melantik ejen cukai tertentu sebagai ejen cukai bagi sesuatu kes siasatan;
 - 8.1.2.3 Menyalahgunakan kedudukan atau kuasa yang ada dalam menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 118 ACP; dan
 - 8.1.2.4 Mendedahkan maklumat yang diperoleh semasa siasatan kepada orang yang tidak berkenaan.
- 8.1.3 Bayaran kepada pegawai LHDNM.

Pembayar cukai tidak dibenarkan membuat sebarang bayaran kepada pegawai LHDNM. Semua bayaran yang berbangkit daripada pengelakan cukai hendaklah di atas nama KPHDN.

8.2 Pembayar Cukai

- 8.2.1 Pembayar cukai mempunyai hak untuk mengetahui akibat kegagalan mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta oleh pegawai LHDNM;
- 8.2.2 Pembayar cukai berhak untuk mengenalpasti identiti pegawai LHDNM;
- 8.2.3 Pembayar cukai mempunyai hak melantik ejen cukai bertauliah/ penasihat yang berkelayakan di bawah seksyen 153 ACP bagi tujuan siasatan. Surat perlantikan ejen cukai bertauliah/ penasihat yang berkelayakan hendaklah dikemukakan kepada LHDNM;
- 8.2.4 Pembayar cukai dibenarkan membawa bersama jurubahasa semasa temuduga / pengambilan pernyataan jika pembayar cukai tidak fasih dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris;

- 8.2.5 Pembayar cukai dibenarkan membuat salinan ke atas dokumen pembayar cukai yang sedang disiasat dan dalam kawalan LHDNM;
- 8.2.6 Pembayar cukai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 80 ACP dikehendaki:
 - 8.2.6.1 Membenarkan pegawai LHDNM mengakses (termasuk kata laluan) / menyalin atau mengekstrak dokumen dalam kawalan / jagaan / pemilikan / kepunyaan pembayar cukai tanpa membuat apa-apa bayaran;
 - 8.2.6.2 Membenarkan pegawai LHDNM mengambil dokumen dalam kawalan / jagaan / pemilikan / kepunyaan pembayar cukai;
 - 8.2.6.3 Menyediakan terjemahan dalam Bahasa Kebangsaan bagi dokumen yang disimpan selain daripada Bahasa Kebangsaan dalam tempoh tidak kurang tiga puluh hari (30) dari tarikh penyampaian notis yang dikeluarkan oleh KPHDN. Bagi Sabah dan Sarawak, terjemahan dibenarkan dibuat dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris; dan
 - 8.2.6.4 Memberikan kerjasama kepada pegawai LHDNM.
- 8.2.7 Pembayar cukai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 81 ACP dikehendaki memberi maklumbalas sepenuhnya apabila maklumat diminta secara lisan atau bertulis; dan
- 8.2.8 Pembayar cukai adalah dilarang:
 - 8.2.8.1 Melantik peguam / ejen cukai yang tidak bertauliah;
 - 8.2.8.2 Memberi sebarang bentuk hadiah dan berurus niaga dengan pegawai LHDNM;
 - 8.2.8.3 Membuat sebarang bentuk bayaran yang boleh dianggap sebagai rasuah kepada pegawai LHDNM; dan
 - 8.2.8.4 Menghalang pegawai LHDNM daripada menjalankan tugas. Sebarang halangan boleh dianggap sebagai satu kesalahan di bawah seksyen 116 ACP iaitu:
 - 8.2.8.4.1 Menghalang atau enggan membenarkan pegawai penyiasat memasuki mana-

mana tanah, bangunan dan tempat menurut Seksyen 80 ACP;

8.2.8.4.2 Menghalang pegawai penyiasat dalam menjalankan fungsi-fungsi di bawah ACP;

8.2.8.4.3 Enggan mengemukakan apa-apa buku, rekod dan dokumen lain dalam jagaannya atau dibawah kawalannya apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai penyiasat;

8.2.8.4.4 Gagal memberikan kemudahan atau bantuan yang munasabah atau kedua-duanya kepada pegawai penyiasat dalam melaksanakan kuasa di bawah ACP; dan

8.2.8.4.5 Enggan menjawab apa-apa soalan yang berkaitan semasa penyiasatan dijalankan.

Sekiranya disabitkan kesalahan, orang yang menghalang tersebut boleh dikenakan denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000.00) dan tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dari satu (1) tahun atau kedua-duanya.

8.3 Ejen Cukai

8.3.1 Ejen cukai adalah tertakluk kepada Kod Etika Ejen Cukai yang telah dikeluarkan oleh LHDNM yang berteraskan kepada prinsip-prinsip berkaitan dengan integriti, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kecekapan. "Ejen cukai" dalam rangka kerja ini bermaksud ejen cukai seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 153 ACP.

8.3.2 Dalam menjalankan tugas mereka, ejen cukai hendaklah:

8.3.2.1 Profesional, berpengetahuan tinggi dalam undang-undang cukai dan amalan percukaian;

8.3.2.2 Berintegriti, jujur, amanah, telus dan sentiasa

memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembayar cukai dan LHDNM;

8.3.2.3 Memberikan nasihat terbaik kepada pembayar cukai serta menegaskan kepada pembayar cukai tentang kewajipan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang cukai;

8.3.2.4 Sentiasa memberikan maklumbalas yang tepat berkenaan perkembangan proses siasatan dan menasihati pembayar cukai berdasarkan kepada fakta yang tepat dan betul;

8.3.2.5 Memelihara kerahsiaan sesuatu maklumat dan memastikan supaya tidak berlaku kebocoran maklumat kepada pihak lain; dan

8.3.2.6 Memberitahu LHDNM dengan segera apabila telah berhenti menjadi ejen cukai kepada pembayar cukai.

8.3.3 Ejen cukai adalah dilarang:

8.3.3.1 Menggunakan maklumat yang diperoleh atau kedudukan mereka sebagai ejen cukai bagi tujuan kepentingan peribadi;

8.3.3.2 Melengahkan proses siasatan atau tidak menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan; dan

8.3.3.3 Memberi sebarang bentuk hadiah atau bayaran yang boleh dianggap sebagai rasuah kepada pegawai LHDNM.

9. KERAHSIAAN MAKLUMAT

LHDNM akan memastikan semua maklumat yang diperoleh daripada pembayar cukai semasa tindakan siasatan adalah rahsia dan hanya digunakan bagi maksud ACP dan undang-undang percukaian yang lain selaras dengan peruntukan subseksyen 138(5) ACP.

10. KESALAHAN, HUKUMAN DAN PENALTI

10.1 Kegagalan Mengemukakan BNCP

- 10.1.1 Kegagalan mengemukakan BNCP merupakan kesalahan di bawah seksyen 112 ACP. Di bawah peruntukan subseksyen 112(1) ACP, sekiranya disabitkan kesalahan, pembayar cukai yang gagal mengemukakan BNCP bagi tempoh satu (1) tahun taksiran, akan dikenakan denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) dan tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya;
- 10.1.2 Manakala di bawah peruntukan subseksyen 112(1A) ACP, sekiranya disabitkan kesalahan, pembayar cukai yang gagal mengemukakan BNCP bagi tempoh dua (2) tahun taksiran atau lebih akan dikenakan denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000.00) dan tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya. Pembayar cukai juga dikenakan penalti khas bersamaan dengan tiga (3) kali amaun cukai yang dikenakan; dan
- 10.1.3 Jika tiada tindakan pendakwaan dimulakan berhubung dengan kegagalan pembayar cukai mengemukakan BNCP tersebut, KPHDN boleh mengenakan penalti ke atas pembayar cukai bersamaan dengan tiga (3) kali jumlah cukai yang dikenakan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 112(3) ACP.

10.2 Pengemukaan BNCP Yang Tidak Betul

- 10.2.1 Membuat BNCP yang tidak betul dengan meninggalkan atau menyatakan kurang apa-apa pendapatan ketika membuat BNCP bagi pihak pembayar cukai sendiri atau orang lain atau memberi apa-apa maklumat yang tidak betul berhubung dengan pengenaan cukai pembayar cukai sendiri atau orang lain merupakan kesalahan di bawah subseksyen 113(1) ACP. Sekiranya disabitkan kesalahan, pembayar cukai akan dikenakan denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000.00) dan tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) serta penalti khas bersamaan dengan dua (2) kali amaun cukai yang terkurang dikenakan.
- 10.2.2 Jika tiada tindakan pendakwaan dimulakan berhubung dengan BNCP atau maklumat yang tidak betul tersebut, KPHDN boleh mengenakan penalti bersamaan dengan amaun cukai yang terkurang seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 113(2) ACP.

10.3 Pelarian Cukai Sengaja Dengan Niat

Pelarian cukai sengaja dengan niat merupakan kesalahan di bawah subseksyen 114(1) ACP. Sekiranya disabitkan kesalahan, pembayar cukai akan dikenakan denda tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000.00) dan tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-keduanya, serta penalti khas sebanyak tiga (3) kali amaun cukai yang terkurang dikenakan.

11. PROSEDUR BAYARAN

- 11.1 Penalti yang dikenakan boleh dikutip oleh KPHDN daripada pembayar cukai sebagai sebahagian daripada cukai.
- 11.2 Walau bagaimanapun, pembayar cukai boleh membuat permohonan untuk menjelaskan cukai dan penalti secara ansuran. Sekiranya pembayar cukai dibenarkan membayar secara ansuran, bukti bayaran permulaan sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah cukai dan penalti hendaklah dikemukakan pada tarikh perjanjian/ surat aku janji ditandatangani. Baki bayaran hendaklah dibayar mengikut amaun dan tempoh ansuran yang dibenarkan oleh KPHDN.
- 11.3 Pembayar cukai yang gagal mematuhi peraturan bayaran ansuran yang dipersetujui akan dikenakan kenaikan cukai seperti diperuntukkan di bawah subseksyen 103(7).
- 11.4 Bagi kes pembayar cukai yang telah disabitkan kesalahan, mahkamah akan memutuskan jumlah denda dan penalti khas yang perlu dibayar. Taksiran akan dibangkitkan selepas perintah diperolehi dan jumlah bayaran cukai perlu dijelaskan kepada KPHDN.
- 11.5 Bagi kes yang dikompaun, bayaran cukai hendaklah dibuat berdasarkan taksiran yang dibangkitkan menurut pengiraan cukai yang telah dipersetujui.

12. RAYUAN

12.1 Rayuan Atas Taksiran

Subseksyen 97A(2) dan seksyen 99 hingga 102 ACP menyediakan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan berhubung dengan taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM.

- 12.1.1 Pembayar cukai boleh membuat rayuan ke atas taksiran yang dibangkitkan berdasarkan penemuan siasatan.

- 12.1.2 Semua rayuan terhadap taksiran hendaklah dibuat melalui Borang Q yang lengkap kepada Jabatan/ LHDNM Negeri/ Cawangan Khas yang membangkitkan taksiran tersebut.
- 12.1.3 Subseksyen 99(1) ACP memperuntukkan bahawa pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan sesuatu taksiran yang telah dibuat untuk mana-mana tahun taksiran ke atasnya oleh KPHDN berhak membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penyampaian notis taksiran.
- 12.1.4 Sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan PKCP, sama ada pihak LHDNM atau pembayar cukai, pihak yang tidak berpuas hati boleh membuat rayuan supaya kes tersebut didengar oleh mahkamah yang lebih tinggi.
- 12.1.5 Walau bagaimanapun, seksyen 99 ACP tidak terpakai bagi suatu taksiran komposit yang diperuntukkan dalam seksyen 96A ACP kerana taksiran dikeluarkan selepas persetujuan antara pembayar cukai dan KPHDN.

12.2 Rayuan Atas Sabitan

Pembayar cukai yang telah disabitkan kesalahan dan tidak berpuas hati dengan sabitan tersebut boleh membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi.

13. SIASATAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AMLATFPUAA)

- 13.1 Kegagalan menghantar BNCP (seksyen 112 ACP), membuat BNCP yang tidak betul (seksyen 113 ACP) dan pelarian cukai sengaja dengan niat (seksyen 114 ACP) telah disenaraikan sebagai kesalahan berat dalam Jadual Kedua AMLATFPUAA. Selaku agensi penguatkuasa undang-undang, LHDNM boleh mengambil tindakan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan kes perubahan wang haram yang berkaitan kesalahan berat.
- 13.2 Jika disabitkan kesalahan perubahan wang haram di bawah seksyen 4 AMLATFPUAA, mana-mana orang boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000.00), yang mana lebih tinggi.
- 13.3 Siasatan di bawah AMLATFPUAA dan siasatan di bawah ACP boleh dibuat secara berasingan atau secara serentak.

13.4 Pegawai LHDNM boleh menggunakan kuasa-kuasa di bawah AMLATFPUAA seperti:

- 13.4.1 Memasuki mana-mana premis tanpa waran geledah;
- 13.4.2 Menggeledah premis untuk apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen;
- 13.4.3 Memeriksa, membuat salinan atau mengambil petikan daripada mana-mana rekod, laporan atau dokumen;
- 13.4.4 Mengambil milik apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen yang disita selama apa-apa tempoh yang disifatkan perlu;
- 13.4.5 Memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis;
- 13.4.6 Memecah buka, memeriksa dan menggeledah apa-apa barang, bekas atau wadah;
- 13.4.7 Memberhentikan, menahan atau memeriksa apa-apa kenderaan;
- 13.4.8 Memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis atau kenderaan;
- 13.4.9 Memindahkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan terhadap kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pengalihan;
- 13.4.10 Menahan mana-mana orang yang dijumpai di premis atau dalam kenderaan sehingga penggeledahan itu selesai;
- 13.4.11 Memanggil mana-mana orang yang dipercayai mengetahui fakta dan hal keadaan kes hadir di hadapan pegawai LHDNM bagi pemeriksaan;
- 13.4.12 Menangkap tanpa waran seseorang yang disyaki telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah AMLATFPUAA; dan
- 13.4.13 Mengeluarkan suatu perintah membekukan mana-mana harta, contohnya, akaun bank mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan berat.

13.5 Tanggungjawab pembayar cukai dalam siasatan AMLATFPUAA:

- 13.5.1 Membenarkan pegawai LHDNM mengakses kepada mana-mana premis dan membenarkan dirinya diperiksa;
- 13.5.2 Hadir apabila dipanggil untuk pemeriksaan oleh pegawai LHDNM;

- 13.5.3 Menjawab apa-apa soalan yang diajukan oleh pegawai LHDNM;
 - 13.5.4 Memberikan apa-apa maklumat atau pernyataan yang jelas apabila diminta oleh pegawai LHDNM;
 - 13.5.5 Bekerjasama dan mematuhi apa-apa permintaan sah pegawai LHDNM dalam melaksanakan kewajipannya;
 - 13.5.6 Tidak menyembunyikan dan memberikan pegawai LHDNM apa-apa harta, dokumen atau maklumat yang mungkin semunasabah dikehendaki daripadanya dan yang mana dia mempunyai kuasa untuk memberikannya; dan
 - 13.5.7 Tidak memusnahkan apa-apa harta, rekod, laporan atau dokumen bagi menghalang penyitaan atau pengambilan harta, rekod, laporan atau dokumen itu.
- 13.6 Kegagalan mematuhi tanggungjawab seperti di perenggan 13.5, jika disabitkan kesalahan di bawah seksyen 34 AMLATFPUAA, boleh dikenakan denda tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya. Sekiranya kesalahan tersebut berterusan, sebagai tambahan, pembayar cukai boleh didenda tidak melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya yang mana kesalahan tersebut terus dilakukan.

14. TARIKH KUAT KUASA

Rangka kerja ini berkuat kuasa mulai 31 Mei 2024 bagi menggantikan rangka kerja siasatan cukai yang dikeluarkan 1 Januari 2023.



DATUK DR. ABU TARIQ BIN JAMALUDDIN

**Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Tarikh: 31 Mei 2024